

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

**HBT 302 – Sociolinguistik dan
Penterjemahan**

Masa : 3 jam

Arahan:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi **LIMA [5]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di **BAHAGIAN A**. Pilih **SATU [1]** soalan daripada **BAHAGIAN B**. Setiap soalan berjumlah 25 markah.

Anda hanya dibenarkan menggunakan kamus yang tidak bercatatan untuk menjawab soalan.

Perlu diingatkan bahawa semua soalan perlu memperlihatkan perkaitan di antara sociolinguistik dengan penterjemahan.

BAHAGIAN A

1. Rujuk kepada Lampiran 1 yang mengandungi iklan *Rooibos Tea* (Malaysia) dan *Georg Jensen* (Denmark) untuk menjawab (a) dan (b). Setiap jawapan perlu memperlihatkan perkaitan di antara sosiolinguistik dengan penterjemahan.

[a] Terangkan **DUA [2]** daripada hal-hal [i] hingga [iv].

[i] definisi *lingua franca* dan definisi bahasa kebangsaan [10 markah]

[ii] ciri-ciri multilingualisme atau ciri-ciri diglosia [10 markah]

[iii] peserta sesuatu wacana bertulis [10 markah]

[iv] keformalan bahasa [10 markah]

[b] Kenal pasti bahagian dalam kedua-dua iklan yang mencerminkan dua hal yang dipilih dalam [a]. [5 markah]

2. Rujuk Lampiran 2 yang mengandungi keratan akhbar bertajuk “AS tahan lelaki Jordan didakwa milik cek palsu RM45.6 juta” dan “Suspected al-Qaeda trainee arrested” untuk menjawab [a] dan [b].

[a] [i] Jelaskan persamaan dan perbezaan cara nama orang yang ditahan itu dicetak dalam kedua-dua keratan akhbar. [6 markah]

[ii] Terangkan **TIGA [3]** faktor sosial yang mempengaruhi cara nama orang yang ditahan itu dinyatakan dalam kedua-dua keratan akhbar. [9 markah]

[b] [i] Bagaimanakah cara frasa yang bergaris dalam keratan akhbar bahasa Inggeris dituliskan dalam keratan akhbar bahasa Malaysia? [4 markah]

[ii] Nyatakan pendapat anda terhadap ketepatan penterjemahan ini dengan memberikan **dua [2]** faktor sosial yang mempengaruhi ketepatan penterjemahan ini. [6 markah]

3. Pilih sama ada Petikan 1 **ATAU** Petikan 2. Kemudian, jawab [a] hingga [d].

PETIKAN 1

She leaned across and kissed his mouth again, and his neck and shoulders and chest, then his nipples. Then, in a sudden shift, she got up on her knees at his side and leaned over him the other way, reached down and grasped his enlarged organ. As she took as much as she could hold into her warm mouth, he felt her moist warmth enclose the sensitive end of his manhood, and go farther. She pulled back slowly, creating suction, and he felt a pulling that seemed to draw from some deep internal place and extend throughout every part of him. He closed his eyes and let himself feel the growing enjoyment, as she moved her hands and warm, pulling mouth up and down his long shaft. ...

“Jondalar, how do you always know what I really want?” Ayla asked. They were sitting in the golden glow of the fire, sipping tea, watching sparks from the pitchy pine wood pop and send showers of sparks up into the night air.

[Jean M. Auel, *The Plain of Passage*, 227 & 230]

PETIKAN 2

The Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed will announce details of the revised New Remuneration System (NRS) this week.

The changes were discussed by the Cabinet last Wednesday, Chief Secretary to the Government Tan Sri Samsudin Osman said.

“The revision is positive and will benefit the 800,000 civil servants in the country,” Samsuddin told reporters after the launch of *Kembara Merdeka 2002* by Deputy Prime Minister Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi here yesterday.

He was asked to comment on the progress of the changes being made to the NRS. He declined to give any detail on the changes.

Samsuddin said Dr. Mahathir and the Cabinet had reviewed the counter proposal made by the committee on the public sector employee’s salaries.

Under the NRS matrix system implemented since 1992, only 5% of the civil servant were eligible for vertical and diagonal pay rise (merit increments) every year and this had created dissatisfaction among them.

(*Sunday Star*, Julai 28, 2002, hlm. 10)

- [a] Terjemahkan ke bahasa Malaysia petikan pilihan anda.
[8 markah]
- [b] Nyatakan **dua [2]** masalah sosiolinguistik yang wujud dan **dua [2]** faktor sosial yang mempengaruhi anda semasa melakukan penterjemahan petikan pilihan anda.
[8 markah]
- [c] Jika anda menjadi seorang penterjemah profesional, adakah anda akan menterjemahkan Petikan 1 dan Petikan 2 ke bahasa Malaysia? Jelaskan sebabnya.
[5 markah]
- [d] Jelaskan kepentingan aktiviti penterjemahan ini dalam perancangan bahasa di Malaysia untuk tujuan penyatupaduan kaum.
[4 markah]

BAHAGIAN B

4. Rujuk kepada Pantun A, Pantun B, dan Pantun C. Jawab [a] hingga [d].

Pantun A

Rumah baru cantik dialas,
Alasan dekat kerawang berbunga;
Saya umpama daun palas,
Balut ketupat baru berguna.

Pantun B

Puas saya menanam keladi,
Nanas juga ditanam orang;
Puas saya menanam budi,
Emas juga dipandang orang.

Pantun C

Buah langsung kuning mencelah,
Keduduk tidak berguna lagi;
Sudah dapat gading bertuah,
Tanduk tidak berguna lagi.

- [a] Kenal pasti jenis-jenis ironi yang terdapat dalam setiap rangkap Pantun A hingga C, dan berikan sebab anda mengatakan sedemikian.
[7 markah]

[b] Terangkan dalam konteks situasi apakah ironi-ironi di dalam Pantun A hingga C boleh digunakan. Dalam bentuk dialog perbualan, perlihatkan juga dengan jelas penggunaan satu daripada ironi-ironi ini dalam konteks situasi yang anda terangkan.

[7 markah]

[c] Terjemahkan **SATU** [1] daripada Pantun A hingga C ke bahasa Inggeris.

[6 markah]

[d] Mengambil kira aspek sosiolinguistik, bincangkan sama ada ironi yang ditemui dalam bahasa sumber masih dapat atau tidak dapat dikekalkan dalam bahasa sasaran setelah terjemahan dilakukan.

[5 markah]

5. Lihat pernyataan pertama dari Peoples dan Bailey dan pernyataan kedua dari Nord.

Language and culture together are critical to the development of human individuals – unless we learn them, our psychological and social development is incomplete. ...language and culture provide our minds with the concept and terms for thought itself.

James Peoples dan Garrick Bailey (2000: 34)

In order to understand the specificity of another culture, you have to know your own culture first.

We are not normally aware of how specific our way of seeing and judging the world is, nor of the non-universal ways we express our feelings and attitudes, both verbal and nonverbally. If we want to behave in an adequate way in another culture community, we have to compare the behaviour patterns with conscious knowledge of our own cultural specificity.

Christian Nord (1997: 79)

Bincangkan kedua-dua pernyataan ini dari aspek kepentingan kemahiran sosiolinguistik dalam penterjemahan. Gunakan maklumat daripada "aktiviti dadih", "aktiviti bolasepak Piala Dunia", "aktiviti Minggu Bahasa Jepun", "aktiviti kaligrafi Cina Islam" dan "aktiviti Yo soy Betty la Fea" dalam perbincangan anda. Gunakan teknik esei penulisan formal, dan perlihatkan struktur esei anda itu.

[25 markah]

...Lampiran 1/-

...6/-

